



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepc.com



PENDIDIKAN KARAKTER BERDASARKAN APLIKASI FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN TERHADAP PEMBENTUKAN KEPIMPINAN DALAM KALANGAN MAHASISWA

*CHARACTER EDUCATION BASED ON THE APPLICATION OF THE NATIONAL
EDUCATION PHILOSOPHY TO THE FORMATION OF LEADERSHIP AMONG
STUDENTS*

Siti Aisyah Mohamad Zin^{1*}, Intan Suria Hamzah², Muhammad Ridhwan Sarifin³, Ahmad Faizuddin Ramli⁴, Mohd Firdaus Md Zain⁵

¹ Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my

² Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: intan.hamzah@fsk.upsi.edu.my

³ Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: ridhwan.sarifin@fsk.upsi.edu.my

⁴ Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: faizuddin@fsk.upsi.edu.my

⁵ School of Education & Cognitive Science, Asia e University, Malaysia
Email: firdaus_mzain@ymail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

To cite this document:

Zin, S. A. M., Hamzah, I. S., Sarifin, M. R., Ramli, A. F., & Md Zain, M. F. (2022). Pendidikan Karakter Berdasarkan Aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap

Abstrak:

Bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah yang lebih maju dan bersistematik. Untuk mencapai proses pendidikan yang berkualiti, proses pengajaran dan pembelajaran perlulah seimbang dan berkesan. Falsafah pendidikan merupakan salah satu jalan ke arah menuju tamadun manusia yang cemerlang dan mampu mendidik mahasiswa menjadi seorang yang bersistematis dan unggul. Melalui falsafah, seorang mahasiswa mampu untuk mengatur cara pola fikiran serta membangun sebuah tamadun dengan pemikiran yang kreatif dan kritis. Cara berfikir dan bertindak seseorang mampu menjadi motivasi untuk melakukan sesuatu. Jika kemahiran berfikir tiada panduan yang khusus, sesebuah masyarakat akan berkembang tanpa peranan dan fungsi yang jelas, yang menyebabkan berlaku pembaziran dari sudut penggunaan modal insan. Dengan Falsafah seseorang dapat mencari

Pembentukan Kepimpinan Dalam Kalangan Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 563-577.

DOI: 10.35631/IJEPC.747045

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kebenaran, menganalisa, berfikir untuk merancang penyelesaian dan membina karakter yang akan berperanan sebagai peneraju transformasi Malaysia. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Kajian ini adalah untuk melihat kesan atau impak pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap pembentukan karakter dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana Falsafah Pendidikan Kebangsaan mampu memberi impak dalam kemahiran berfikir dan membentuk karakter yang unggul. Bagi mencapai tujuan tersebut, metode yang digunakan adalah kajian pustaka dengan meneliti dan menganalisis berbagai artikel yang relevan dengan konteks pendidikan di Malaysia. Data dianalisis bagi membentuk model pembangunan karakter insan yang hebat berdasarkan aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil kajian ini diharap pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain. Sehingga mampu menjadi mahasiswa yang tinggi pemikirannya, baik sahsiahnya dan mampu mencuba menyelesaikan masalah masyarakat serta membentuk peribadi dan karakter mahasiswa yang unggul.

Kata Kunci:

Pendidikan Karakter, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pembentukan Kepimpinan

Abstract:

The field of education is also undergoing a transformation in a more advanced and systematic direction. To achieve the goal of quality education, the teaching and learning process must be balanced and effective. The philosophy of education is one of the approaches to create an excellent human civilization and is able to educate students to be systematic and superior. Through philosophy, a student is able to organize his way of thinking and build a civilization using creative and critical thinking. A person's way of thinking and acting can be a motivation to do something. If thinking skills do not have a specific guide, a society will develop without a clear role and function, which contributes to waste from the point of view of the use of human capital. With Philosophy, one can find the truth, analyze, think to plan a solution and build a character that will play a role as the leader of Malaysia's transformation. The use of philosophy as a tool to purify the culture of thought in life through art and methods of thinking and human concepts. This study aims to identify the effect or impact of the implementation of the National Education Philosophy on character building among students in Malaysia. Thus, this study aims to examine the extent to which the National Education Philosophy is able to have an impact on thinking skills and building superior character. In order to achieve this goal, the method used is a literature review by examining and analyzing various articles that are relevant to the context of education in Malaysia. The data were analyzed to produce a great human character development model based on the application of the National Education Philosophy. As a result of this study, it is hoped that students will be able to see the scientific disciplines as a comprehensive idea of knowledge and linked to each other so that they are able to become students with high thinking, good character and able to solve society's problems as well as build the personality and character of excellent students.

Keywords:

Character Education, National Education Philosophy, Leadership

Pengenalan

Berdasarkan pendidikan di Malaysia yang berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ia memberi penekanan kepada pembinaan yang seimbang dari sudut pengetahuan, emosi, jasmani dan rohani. Ini adalah serasi dengan Wawasan 2020 untuk membangunkan negara menurut acuan sendiri (Wan Hasmah, 2010). Masyarakat yang berfikir adalah masyarakat yang produktif, berwibawa, berfikiran jauh dan optimis kepada perubahan. Dengan pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berkaitan dengan kemahiran berfikir dalam pengajaran, memudahkan hasrat melahirkan mahasiswa yang seimbang dan sejahtera, baik dari jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pembangunan kemahiran berfikir adalah pembangunan yang sangat penting bagi sesbuah organisasi, terutamanya dalam bidang Pendidikan (Bambang, Lokman & Mohd Anuar, 2012). Melalui falsafah, seorang pelajar mampu untuk mengatur cara pola fikiran serta membangun sebuah tamadun dengan pemikiran yang kreatif dan kritis. Cara berfikir dan bertindak seseorang mampu menjadi motivasi untuk melakukan sesuatu. Jika kemahiran berfikir tiada panduan yang khusus, sesbuah masyarakat akan berkembang tanpa peranan dan fungsi yang jelas, yang menyebabkan berlaku pembaziran dari sudut penggunaan modal insan. Justifikasi pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai salah satu peranan sebagai tumpuan kepada segala idea, dan pemikiran tentang pendidikan, sedikit sebanyak mampu memberikan impak yang besar dalam membangun identiti dalam kalangan mahasiswa yang akan berperanan sebagai peneraju transformasi Malaysia (Bambang et al, 2012).

Menurut Abu Bakar Nordin (2008) Falsafah pendidikan ialah satu sistem kepercayaan, pegangan atau prinsip am yang membincangkan pelbagai hal mengenai pendidikan dan pengajaran. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah satu usaha atau iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan bukan sahaja dari aspek ekonomi, kestabilan politik bahkan mampu meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa (Wawasan Kemakmuran Bersama, 2019). Wawasan ini dilihat mampu meletakkan kepentingan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai pemangkin dan pemacu untuk membentuk cara pemikiran dan membentuk karakter yang hebat seiring dengan peredaran zaman. Jika dilihat dari Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di negara ini, dapat disimpulkan wujudnya perkembangan falsafah epistemologi dan peningkatan ilmu seiring dengan perkembangan semasa. Hal ini terjadi kerana wujudnya perkembangan dan peningkatan ilmu sejak dari ketamadunan Alam Melayu lagi. Kepentingan ilmu dalam masyarakat Melayu yang menjadi warisan berharga kepada penyambungan tradisi sejak zaman awal Islam lagi. Lintas sejarah Alam Melayu pernah menyaksikan rantau ini mencapai kemuncak kegemilangan ketamadunan dan peradaban Islamnya pada zaman Kesultanan Melaka (Tun Suzana, 2020).

Demikian itu selari dengan perkembangan falsafah epistemologi dalam peningkatan dan penghayatan ilmu. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi untuk membangunkan pendidikan tinggi agar bersesuaian dengan keperluan dan budaya masyarakat setempat Seiring dengan peningkatan keperluan masyarakat di negara yang sedang membangun terhadap pendidikan tinggi, fokus pembangunan pendidikan untuk membangunkan manusia yang memiliki kekuatan diri yang menyeluruh, progresif, kreatif, berwibawa, berpengetahuan, berkemahiran, berketerampilan dan berakhhlak mulia sebagai pembangunan modal insan kelas pertama telah dilaksanakan (Sufean Hussin, 2018). Universiti dibina oleh kerajaan bukan sahaja bagi memenuhi tuntutan pengeluaran tenaga kerja

profesional dalam bidang pentadbiran, ekonomi, kejuruteraan, sains perubatan, undang-undang, pendidikan, kesusastraan dan keusahawanan bahkan pelbagai program pembangunan sumber manusia seperti pendidikan dan latihan kemahiran di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia bertujuan mengeluarkan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan berkualiti. Ia dapat memenuhi keperluan tenaga manusia serta melahirkan warganegara yang berdisiplin, modal insan yang lahir daripada pembangunan karakter ini akan berperanan sebagai peneraju transformasi Malaysia sebagai negara unggul pada masa akan datang sehingga boleh membentuk karakter seseorang menjadi insan cemerlang. Peningkatan pelbagai masalah sosial berlaku dalam kalangan remaja pada masa kini, terutamanya mahasiswa menimbulkan kebimbangan dalam anggota masyarakat. Mahasiswa yang seharusnya menelaah pelajaran dan berburu mencari ilmu, terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat. Mahasiswa merupakan tonggak serta harapan negara, maka sewajarnya perlu diberikan perhatian bagi memastikan mereka tidak melakukan aktiviti yang tidak bermoral. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP) dilaksanakan pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020, lebih banyak kelonggaran diberikan kepada kita rakyat Malaysia untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi S.O.P secara berterusan. Menjadi satu kebimbangan para ibubapa dan pensyarah ialah aktiviti yang dilakukan oleh mahasiswa diluar pengetahuan dan kawalan. Menjadi tanggungjawab ibubapa dan pensyarah bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran berkesan dan terkesan dihati mahasiswa. Pendidikan adalah satu bidang yang sangat penting untuk masa depan yang cerah bagi mahasiswa. Justeru, melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan mampu membentuk cara pemikiran dan membentuk karakter individu seseorang. Kepentingan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bukan sahaja mampu menjadi panduan dalam menentukan fokus dalam pendidikan, bahkan mampu membentuk karakter yang unggul kepada mahasiswa khususnya, yang merupakan tonggak negara (Siti Aisyah, 2021).

Sorotan Literatur

Pendidikan ialah satu proses mendidik, membentuk serta melatih individu dalam pelbagai aspek jasmani, rohani, akal, akhlak dan kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna, beriman, berakhlak mulia, berbadan sihat, berilmu dan berkemahiran dalam kerjaya. Dalam Kamus Dewan Pustaka dan Bahasa edisi keempat (2015) yang dimaksud dengan karakteristik adalah sifat (ciri) perwatakan yang membezakan seseorang daripada yang lain. Menurut John W. Santrock (2009) *character education* adalah pendidikan yang dilakukan dengan pendekatan langsung kepada anak didik untuk menanamkan nilai moral dan memberikan pelajaran kepada murid mengenai pengetahuan moral dalam upaya mencegah perilaku yang dilarang.

Norazly et al. (2021) mengatakan bahawa Pendidikan karakter adalah satu usaha terancang dan disengajakan yang bertujuan untuk mengajar tentang kebajikan. Nilai-nilai seperti kejujuran, hormat, keadilan, keberanian, kesetiaan, kasih sayang dan banyak lagi diterapkan dalam diri anak didik secara terancang menerusi aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah. Pendidikan Karakter telah dimulakan di banyak negara seperti Amerika Syarikat, Finland, Indonesia dan Jepun. Pendidikan karakter dilihat mempunyai kemampuan membentuk pengetahuan dan kemahiran murid terhadap nilai-nilai murni dan karakter yang baik.

Didalam Islam, pendidikan karakter telah wujud dan pendidikan karakter merujuk kepada pendidikan akhlak (Siti Farida, 2016). *The Need for Character Education* sebuah karya Aynur Pala (2011) pendidikan karakter adalah sebuah gerakan yang mewujudkan sekolah yang memupuk etika, seorang yang bertanggungjawab dan peduli dengan nilai-nilai murni. Nilai-
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

nilai etika teras seperti penyayang, kejujuran, keadilan, tanggungjawab dan hormat menghormati. Watak atau karakter yang baik tidak terbentuk secara sendiri, ia dibangunkan dari masa ke masa melalui proses pengajaran, pembelajaran dan amalan yang berterusan. Ia dibangunkan melalui pendidikan karakter. Pendidikan karakter yang baik adalah sangat penting dalam masyarakat hari ini kerana banyak pengaruh negatif melalui media dan sumber luaran lain yang berleluasa dalam budaya hari ini. Menurutnya, kanak-kanak menghabiskan kira-kira 900 jam setahun di sekolah, ia adalah amat penting bahawa sekolah meneruskan peranan proaktif dalam membantu keluarga dan komuniti dengan membangunkan persekitaran yang peduli nilai etika. Apabila pendekatan komprehensif terhadap pendidikan karakter digunakan, budaya moral yang positif akan dicipta di sekolah dan persekitaran sekolah.

Seterusnya penulis merujuk jurnal *Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu di Malaysia* karya Ahmad Munawar (2012). Jurnal ini menfokuskan hubungan antara nilai-nilai dinamik yang ada dalam diri bangsa Melayu dan hubungannya dengan nilai-nilai Islam yang telah diperoleh melalui pendidikan Islam yang berterusan di Malaysia.

Bermula dari institusi pendidikan formal seperti sekolah dan pusat pengajian tinggi memainkan peranan yang penting dalam pendidikan anak-anak. Pendidikan yang sempurna di samping hubungan kekeluargaan secukupnya amat diperlukan untuk mereka mengharungi cabaran yang ditempuh sepanjang kehidupan mereka. (Jamilah Mohd Noor, 2014) Anak-anak memerlukan pendidikan yang seimbang untuk membentuk jati diri yang hebat. Pepatah melayu ada mengatakan “melentur buluh biarlah daripada rebungnya”, asu AHLAH dan didiklah anak-anak dengan nilai Islam dan akhlak yang mulia. Bermula dari mendidik anak-anak akan membentuk dan menghasilkan karakter yang hebat.

Malaysia merupakan salah satu negara yang meletakkan pendidikan sebagai peneraju utama dalam membina negara serta peradabannya. Malaysia sebagai sebuah negara diantara negara di dunia yang menawarkan falsafahnya tersendiri (Dzulkifli, A.R.& Rosnani 2019). Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Penekanan diberikan kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujungnya, masyarakat khususnya mahasiswa akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain. Falsafah pendidikan bukan sekadar dipamerkan dalam bentuk buku dan media lain, tanpa memahami tradisi ilmu falsafah dengan pengenalan sedalam-dalamnya (Awang Had Salleh, 1980).

Menurut Prof Datuk Dr Sufean Hussin (2018), di peringkat Pendidikan Tinggi, Akta Pendidikan 1996 telah memperakankan dasar-dasar yang sedia ada dan juga falsafah pendidikan, namun Akta itu juga menggariskan orientasi baharu, iaitu penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang melalui kemajuan ICT di Institut Pengajian Tinggi. Dalam abad ke-21 ini, proses pendidikan kini menjadi mekanikal, walaupun kepada hal-hal intrinsic seperti perangai, emosi, moral dan rohani keagamaan individu.

Pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan membuka mata dan minda dalam kalangan mahasiswa untuk menjadi seorang insan yang sejahtera dan harmoni dengan menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Ini adalah serasi dengan Wawasan 2020 untuk membangunkan negara menurut acuan sendiri (Wan Hasmah, 2010). Dengan adanya Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mampu merealisasikan perkara yang berkait pembangunan sosial

manusia, dapat memberi impak dalam pembentukan karakter mahasiswa. Elemen yang ingin diukur adalah pengetahuan, kemahiran berfikir dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan falsafah pendidikan kepada mahasiswa. Sehingga mampu menjadi pelajar yang tinggi pemikirannya, baik sahsiahnya dan mampu mencuba menyelesaikan masalah masyarakat selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan rakyat bermentaliti kelas pertama.

Falsafah pendidikan adalah himpunan strategi-strategi yang bersifat sepadu dalam pembentukan sahsiah atau karakter insan. Usaha ini tidak mampu dilaksanakan tanpa ada kerjasama antara semua pihak, baik ibubapa maupun pensyarah. Individu juga mempunyai tanggungjawab dalam menjaga hubungan baik dan mesra antara sesama manusia bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia (Abu Bakar Nordin, 2008).

Menurut Abu Bakar Nordin (2008) falsafah pendidikan ialah suatu sistem kepercayaan, pegangan atau prinsip am yang membincangkan pelbagai hal mengenai pendidikan. Falsafah Pendidikan boleh diertikan sebagai pedoman, arah tuju atau pandangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan (Mok Soon Sang, 2011). Dasar yang dibuat dalam sesuatu pendidikan perlu merujuk kepada asasnya iaitu Falsafah Pendidikan. Pelbagai aspek diambil kira dalam membentuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi menghasilkan bangsa yang maju dan bertamadun.


Falsafah Pendidikan Kebangsaan merangkumi cetusan idea dan pandangan yang rasional terhadap pendidikan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga merupakan panduan dan hala tuju kepada pakar pendidikan untuk mereformasikan sistem pendidikan berlandaskan idea, konsep dan matlamat pendidikan negara kita Malaysia. Sehubungan ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah dibentuk secara teliti oleh pakar-pakar pendidikan dengan mengambil kira pelbagai aspek yang berkaitan dengan keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga mampu memberi panduan dan bimbingan yang manfaat kepada segala usaha pendidikan. Antara faktor yang telah diambil kira ialah faktor agama, sosial, ekonomi dan politik. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang digubal daripada usaha berfikir yang rasional dan kritis berlandaskan ideologi negara, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Laporan dan Dasar Pendidikan termasuk Rukun Negara (Mok Soon Sang, 2011). Falsafah Pendidikan Negara tahun 1988, telah digubal semula dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1996 (Kementerian Pendidikan, 1999). Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1996, berbunyi:

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. “

Hasil Kajian dan Perbincangan

Setelah berlakunya tragedi 13 Mei 1969, usaha-usaha ke arah mewujudkan perpaduan rancak diperkenalkan oleh kerajaan. Kerajaan telah membentuk Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan perpaduan kaum di Malaysia. Di samping itu digubal Rukun Negara yang menggariskan lima rukun sebagai asas pegangan dan panduan setiap rakyat di negara ini. Di bidang Pendidikan pula, satu jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan pada tahun 1974 untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Ringkasnya, matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan warganegara yang baik yang memiliki ciri-ciri bersatu padu, berdisiplin dan terlatih (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980).

Masyarakat hari ini terpaksa berhadapan dengan perkembangan kemajuan teknologi yang semakin pesat. Kemajuan yang dikecapi pada hari ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada masyarakat. Nilai-nilai murni yang disanjung oleh masyarakat Melayu tidak lagi diendahkan, bahkan dianggap ketinggalan zaman. Pada masa kini sering didedahkan dengan masalah kronik yang melanda dunia antaranya kes rogol, samun, ragut, zina, pembuangan bayi, pembunuhan dan lumba haram. Masalah sosial pada hari ini akan menjadi lebih serius jika tidak ditangani dengan tepat. Fenomena ini mencerminkan bahawa sebahagian anggota masyarakat kita sedang terbabit secara langsung dalam melahirkan anggota masyarakat yang buruk akhlak dan jati diri mereka (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).



Rajah 1: Jenayah Indeks, Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda, Malaysia, 2016-2020


Sumber: Polis DiRaja Malaysia

Berdasarkan rajah 1, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Statistik Jenayah Malaysia, 2021 pada 25 November 2021. Laporan ini memuatkan lapan statistik jenayah terpilih iaitu Jenayah Indeks, Dadah, Rasuah, Alam Sekitar, Kesalahan Trafik, Jenayah Siber, Jenayah Maritim dan Pemulihan. Kesalahan Trafik dan Jenayah Siber merupakan statistik baharu dalam penerbitan pada tahun ini. Penyusunan statistik ini adalah berpandukan kepada konsep dan garis panduan daripada International Classification of Crime for Statistical Purpose Version 1.0 yang diterbitkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). Penyusunan statistik jenayah ini adalah berdasarkan rekod pentadbiran yang

diperoleh daripada pelbagai agensi. Statistik yang disediakan boleh digunakan untuk mengukur aspek sosial khususnya kesejahteraan rakyat serta keselamatan awam (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Jika dilihat pada masa kini, pelbagai masalah sosial berlaku dalam kalangan masyarakat, terutamanya remaja. Remaja yang seharusnya menelaah pelajaran dan berburu mencari ilmu, terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat. Remaja merupakan tonggak serta harapan negara, maka sewajarnya perlu diberikan perhatian bagi memastikan mereka tidak melakukan aktiviti yang tidak bermoral. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) dilaksanakan pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 disebabkan pandemik COVID-19, lebih banyak kelonggaran diberikan kepada kita rakyat Malaysia untuk menjalani aktiviti kehidupan sehari-hari di samping mematuhi S.O.P secara berterusan. Menjadi satu kebimbangan para ibubapa dan masyarakat ialah aktiviti yang dilakukan oleh remaja diluar pengetahuan dan kawalan. Menjadi tanggungjawab ibubapa dan masyarakat bagi memastikan remaja dalam keadaan terkawal. Pendidikan adalah satu bidang yang sangat penting untuk masa depan yang cerah bagi mahasiswa. Justeru, melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan mampu membentuk cara pemikiran dan membentuk karakter individu seseorang. Kepentingan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bukan sahaja mampu menjadi panduan dalam menentukan fokus dalam pendidikan, bahkan mampu membentuk karakter yang unggul kepada remaja sebagai pelajar khususnya, yang merupakan tonggak negara.

Dengan falsafah seseorang dapat mencari kebenaran, menganalisa, berfikir untuk merancang penyelesaian dan membina karakter yang akan berperanan sebagai peneraju transformasi Malaysia. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Falsafah pendidikan juga mampu membawa masyarakat kearah rakyat Malaysia yang cemerlang dari pelbagai aspek, iaitu dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Siti Aisyah, 2021).



Rajah 2. Konsep Pendidikan Karakter dan Nilai Kepimpinan Akhlak


Sumber: Rekabentuk Model Pembinaan Karakter 'Ibad al-Rahman (2017)

Berdasarkan rajah 2, pendidikan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan manusia yang berupaya memelihara dan memancarkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat. Kualiti kehidupan juga ditentukan oleh kualiti pendidikan sesebuah masyarakat, bagi mewujudkan masyarakat yang seimbang (Sufean Hussin, 2018). Untuk menjayakan proses kearah transformasi melalui pendidikan, masyarakat akan mampu bergerak cergas ke arah peningkatan kualiti kehidupan. Pendidikan juga dapat membantu pertumbuhan sahsiah dan

mengekalkan jati diri serta memantapkan lagi akhlak dan perilaku seseorang individu. Sikap dan kecenderungan yang wujud dalam sesebuah masyarakat merupakan cerminan dari skop pendidikan. Demikian juga, pendidikan adalah elemen yang penting dalam melahirkan generasi yang berguna dan berakhhlak mulia. Bagi memantapkan kesemua nilai murni dan akhlak mulia dalam setiap diri individu, pendidikan adalah sangat penting untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Menurut Laelatul Badriah (2017) pendidikan memiliki tugas untuk membentuk dan membina karakter, baik karekter pendidik maupun karakter anak didik. Menyedari akan kepentingan pendidikan, Islam amat memandang tinggi kedudukan pendidik bersesuaian dengan tugas berat yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka (Ab. Azizi Yusof 2013).

Nilai akhlak yang dimiliki oleh manusia menjadi kayu ukur pada kemajuan sebuah peradaban. Peradaban yang dibina hasil daripada pendidikan yang berpandukan ajaran wahyu akan diisi dengan nilai-nilai adab dan budi pekerti mulia yang akan meletakkan aspek pembangunan insan mengatasi aspek pembangunan kebendaan (Ab. Azizi Yusof 2009). Menurut Hassan Langgulung (1980) kehebatan suatu bangsa tidak sahaja diukur dengan kemajuannya tetapi juga keupayaannya mengamalkan budi bahasa dan budi pekerti yang mulia. Pendidikan nilai dikatakan sebagai elemen yang penting bagi membina karakter seseorang. Berdasarkan pendidikan di Malaysia yang berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ia memberi penekanan kepada pembinaan yang seimbang dari sudut pengetahuan, emosi, jasmani dan rohani. Ini adalah serasi dengan Wawasan 2020 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk membangunkan negara menurut acuan sendiri. Bahkan, setiap warganegara mestilah mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjang oleh budi pekerti yang mulia. Aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam kehidupan harian, dapat melahirkan masyarakat yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Wawasan Kemakmuran Bersama, 2019).

Implikasi Pendidikan Karakter Berdasarkan Aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Konsep insan sejahtera seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Berdasarkan kenyataan falsafah yang begitu padat dan jelas, terdapat unsur keagamaan dan ketuhanan agar rakyat Malaysia mempunyai ciri-ciri keagamaan yang kuat, berbeza dengan falsafah Barat yang lebih cenderung menumpukan kepada akal rasional semata-mata (Mohd Salleh Lebar, 1996).



Rajah 3: Matlamat FPK Dari Aspek Pembangunan Individu Manusia Dalam Konteks Negara Bangsa Malaysia.

Sumber: Sufean Hussin. (2018). Kejayaan Dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia. IIUM: Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai 2018

Rajah 3 menunjukkan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar, ianya dapat dilihat dari aspek jasmani iaitu aspek fizikal yang mempunyai tubuh badan yang perlu dipelihara untuk mencapai kesejahteraan kehidupan. Tanpa tubuh badan yang sihat tidak mungkin aspek minda dan pemikiran serta kerohanian dapat direalisasikan. Kecergasan fizikal dapat digunakan dalam hidup bermasyarakat. Aktiviti kurikulum di sekolah misalnya, yang berorientasikan kepada program bersepada mengutamakan nilai-nilai murni diserapkan dalam semua mata pelajaran dan melahirkan pelajar yang aktif dan cergas. Perubahan sukatan pelajaran yang sesuai untuk melatih kemahiran pelajar, program pendidikan yang berorientasikan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis (Mok Soon Sang, 2011).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga mencerminkan konsep insan yang memberi perhatian dan mengambil berat tentang aspek emosi terhadap pelajar. Aspek emosi ini juga diberi perhatian kerana jika terganggu emosinya sudah tentulah pelajar itu tidak akan dapat mencapai kehidupan yang sejahtera kerana dia akan sentiasa dalam kemurungan dan disebabkan emosi yang tidak stabil. Aspek Rohani juga diberi penekanan dalam fahaman dan amalan keagamaan mengikut agama masing-masing. Falsafah Pendidikan Kebangsaan mementingkan aspek ini kepada pelajar kerana aspek kerohanian mampu membentuk sahsiah dan kepribadian yang unggul (Dzulkifli, 2019). Sistem pendidikan mementingkan aspek intelektual terhadap pelajar kerana mampu membina akal fikiran yang lebih kreatif, kritis dan tajam demi untuk mencapai ilmu yang lebih luas dan mendalam. Aspek intelek pelajar juga harus diberi perhatian dalam sistem Pendidikan. Pada hari ini pelajar diberi penekanan pentingnya aspek intelektual bagi pembelajaran dan proses pengajaran ilmu di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi (Ismail, 2020).

Melalui aktiviti kokurikulum disiplin dapat dipupuk, proses sosialisasi secara sihat dan teratur dapat diadakan bagi kelangsungan proses perkembangan diri pelajar. Kewujudan pasukan-

pasukan unit beruniform di sekolah seperti kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri Islam dan lain-lain di samping aktiviti persatuan, sukan dan permainan perlu diteruskan bagi pencapaian matlamat dasar pendidikan.

Perubahan sikap pendidik dan profesionalnya untuk menjalankan tugas sejajar dengan tujuan dan dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Perubahan profesional dengan mengubah strategi dan teknik pengajaran yang sesuai untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan serta berakhhlak mulia. Dasar pendidikan kebangsaan juga dilaksanakan dengan memperkembangkan tenaga pengajar yang terlatih. Sekolah baru juga didirikan selaras dengan kadar pertambahan pelajar dari masa ke semasa. Walaupun banyak cabaran, kekangan dan rintangan dalam perlaksanaan dasar pendidikan kebangsaan, namun dengan keyakinan dan usaha gigih para pendidik perlu diberi penghormatan atas kejayaan yang akan dicapai (Ahmad Mohd. Salleh, 2003).

Secara umumnya sistem pendidikan di Malaysia adalah baik jika dilihat daripada sudut asasnya iaitu Malaysia sedang membangun dengan rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Ini menjadikan implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada para pendidik khususnya guru di sekolah adalah sangat nyata. Guru perlu berusaha untuk mendidik para pelajar sebagai tonggak negara serta menjadi pewaris dan pemimpin di masa akan datang. Bagi tujuan itu, guru perlu meningkatkan usaha dalam pertambahan ilmu dan kemahiran profesional (Mok Soon Sang, 2011).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan satu platform baru untuk membantu para pelajar bagi meneruskan sistem pembelajaran melalui pembelajaran secara atas talian. Pembelajaran secara atas talian mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri. Pada zaman yang mencabar ini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah yang lebih maju dan bersistematis. Oleh kerana itu, pembelajaran atas talian merupakan jalan yang terbaik bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka walaupun mereka berada di rumah masing-masing. Untuk mencapai proses pendidikan yang berkualiti, proses pengajaran dan pembelajaran perlulah seimbang dan berkesan. Ini bermakna, ada interaksi dua hala diantara pelajar dan pendidik. Disinilah peranan pendidik untuk menilai kebaikan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran pelajarnya supaya memperbaiki dan mengubahsuai rancangan, kaedah dan teknik mengajar yang berkesan. Falsafah pendidikan merupakan salah satu jalan ke arah menuju tamadun manusia yang cemerlang. Falsafah pendidikan juga mampu mendidik pelajar menjadi insan yang bersistematis dan unggul dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Rosnani Hashim, 2017).

Pelbagai langkah boleh diambil untuk menyebarkan kefahaman mengenai Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada masyarakat. Semua pihak perlu bekerjasama dalam merealisasikan falsafah pendidikan. Tugas ini bukan sahaja terletak di bahu pendidik sahaja, pihak lain dalam masyarakat terutama ibubapa perlu bersama-sama berganding bahu mengambil langkah proaktif secara bersepadu dalam usaha ini.

Masyarakat di Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya merupakan sumber ke arah kecemerlangan bidang pendidikan. Interaksi semua pihak dalam kalangan masyarakat amat penting dalam memperkasakan dan memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Matlamat dan tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dicapai sekiranya individu masyarakat berhubungan antara satu sama lain dalam berkongsi maklumat antara satu sama lain. Melalui mesyuarat agung, mesyuarat jawatankuasa, aktiviti PIBG atau lain-lain perjumpaan ibubapa

atau masyarakat dapat didedahkan sedikit demi sedikit kefahaman tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dari sini masyarakat akan mendapat pendedahan dan pengetahuan serta pemahaman mengenai Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pihak sekolah sewajarnya mengambil peluang ini menerangkan secara lebih terperinci tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada ibu bapa supaya mereka tidak ragu-ragu tentang dasar pendidikan negara yang dijalankan di Malaysia (Mohd Salleh Lebar, 1996).

Pihak media massa juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan hasrat dasar dalam sistem pendidikan agar sampai kepada masyarakat. Media juga perlu selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari segi kegiatan, konsep dan perjuangannya. Usaha sama secara bersepadau dari semua pihak mampu merealisasikan harapan dan kejayaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ianya mampu melahirkan satu bangsa Malaysia yang memiliki impian, wawasan dan cita-cita yang murni (Abu Bakar Nordin, 2008).

Pendidikan karakter di Institusi Pengajian Tinggi berperanan sebagai rangka atur membentuk hala tuju, pengisian dan metode pendidikan negara bagi menghasilkan modal insan yang mampu menyumbang dalam konteks mencapai Wawasan 2020 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 juga bertindak sebagai pelan asas membentuk kurikulum dan kokurikulum pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Kemajuan Masyarakat.

Kesimpulan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan mampu menjadi asas landasan dan teras kepada sistem pendidikan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga merupakan gambaran cita-cita serta halatuju kepada semua usaha dan perjuangan rakyat Malaysia melalui proses pendidikan. Semua program dan aktiviti pendidikan ialah hasil daripada prinsip dan nilai yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Diharap rakyat Malaysia akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain. Sehingga mampu menjadikan rakyat yang tinggi pemikirannya, baik sahsiahnya dan mampu mencuba menyelesaikan masalah serta membentuk peribadi dan karakter insan yang unggul. Pembentukan model pembangunan karakter berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap kemahiran berfikir dalam kalangan mahasiswa dapat membantu membina dan melahirkan warganegara yang berdisiplin, mendukung nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah satu usaha atau iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan bukan sahaja dari aspek ekonomi, kestabilan politik bahkan mampu meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa. Wawasan ini dilihat mampu meletakkan kepentingan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai pemangkin dan pemacu untuk membentuk cara pemikiran dan membentuk karakter yang hebat seiring dengan peredaran zaman. Model ini juga boleh diterapkan dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak dan memberi pendedahan kepada masyarakat Selain itu, model ini dapat membuka minda akan kepentingan kemahiran berfikir khususnya mahasiswa dan remaja yang merupakan tonggak dan harapan negara. Menerusi model ini juga, dapat menjadi sumber rujukan dan bahan ilmiah untuk semua pihak.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas pembiayaan Geran Penerbitan dalam International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC) (GAE/UMS-UPSI 051/22).

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. (2013). *Pengurusan Pendidikan Islam; Mekanisme transformasi Ummah*. Bangi; Utusan Printcorp Sdn.Bhd.
- Ab. Azizi Yusof. (2009). *Modal insan dalam konteks pendidikan Negara*. Sintok; penerbit UUM
- Abu Bakar Nordin, Ikhsan Othman. (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Edisi kedua. Tanjung Malim: Quantum Books
- Ahmad Mohd. Salleh. (2003). *Pendidikan Islam, Falsafah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar
- Awang Had Salleh. (1980). *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Ahmad Munawar. (2012). *Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia*. Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 37-50 www.ukm.my/jhadhari
- Aynur Pala. (2011) *The Need for Character Education*. International Journal of Social Sciences and Humanity Studies Vol 3, No 2, 2011 ISSN: 1309-8063. Turkey
- Bambang Sumintono, Lokman Mohd Tahir & Mohd Anuar Abdul Rahman. (2012). *Pendidikan Moral di Malaysia: tantangan dan implementasi Pendidikan Karakter di Sekolah*. Yogyakarta: Jurnal Pendidikan Karakter
- Dzulkifli, A.R.& Rosnani, H. (2019) *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Hassan Langgulung. (1998). *Islamic education human resource development in muslim countries*. Kesturi 8 (1)
- Idris Zakaria. (2000). *Falsafah Dan Sistem Pendidikan: Perbandingan Antara Plato Dan Ibn Sina*. Vol 1 No 1 (2000): Jurnal Akidah & Pemikiran Islam. UM
- Ismail, A., Muda @ Ismail, F. L., Sulaiman, A., Mohd Nizah, M. A., Abdul Latiff, L., Sulaiman, M., Mat Yaacob, S.N., & Kandil, H. M. T. E. (2020). *Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah: Formation of Creative and Critical Thinking: Its Relationship in Problem Solving*. Jurnal Sains Insani, 5(1), 43-47.
- Jamilah Mohd Noor. (2014) *Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban Negeri Sembilan*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- John W. Santrock. (2009) *Child Development*. London: The McGraw-Hill Company
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1980). *Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). Surat pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999 bertarikh 9 Mac 1999.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Kepimpinan dan pengurusan kurikulum di sekolah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan induk pembangunan Pendidikan, 2006-2010*. Putrajaya: KPM

- Laelatul Badriah. (2017). *Implementasi Landasan Filosofis – Teleologis Pendidikan Islam dalam Membangun Pendidikan Karakter (Telaah Surat Ali Imran Ayat 79)* Literasi, Volume VIII, No. 2.
- Mohd Salleh Lebar. (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd
- Mok Soon Sang. (2011). *Falsafah Pendidikan, Kurikulum dan Profesionalisme Keguruan*. Edisi Kedua. Ipoh: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd
- Othman, M. S. (2020). *Issues and Problems in Higher Order Thinking Skills (HOTS) Of Teaching Practices From Ibn Khaldun's Perspective*. Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)
- Rosnani Hashim. (2017). *Revitalization of Philosophy and Philosophical Inquiry in Muslim Education*. Kull of Education. IIUM.
- Rusell, B. (1959). *Wisdom of West: A Historical Survey of Western Philosophy in its Social and Political Setting*. London: Mc Donald
- Siti Farida. (2016). *Pendidikan Karakter dalam Perspektif Islam*. Jurnal Rabitah Vol. 1 No. 1 Juni 2016. Sampang 2016
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Hainemann Sdn. Bhd
- Siti Aisyah, MZ. 2021. *Covid-19: Impak Pandemik Terhadap Konflik Emosi dan Pendidikan Di Malaysia – Satu Kajian Literatur*. JTthem Volume 6 Issue 25 (October 2021) PP. 01-14
- Sufean Hussin. (2018). *Kejayaan Dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia*. IIUM: Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai 2018
- Tun Suzana Tun Othman & Hasanuddin Yusof. (2020). *Rahsia Penaklukan Melaka 1511*. Penerbit Alami Sdn Bhd. Halaman 310
- Wan Hasmah Wan Mamat. (2010), *Model Pembentukan Nilai Dalam Perkembangan Sahsiah Individu. Seminar Internasional & Workshop Pendidikan Karakter Menuju Terbentuknya Masyarakat Berbudi Pekerti Luhur*: Sekolah Pascasarjana Universitas Pendidikan Indonesia.
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (2019). Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kuala Lumpur